

LATIHAN PENGUKUHAN AYAT SONGSANG:

BINA AYAT SONGSANG BAGI AYAT TUNGGAL DI BAWAH:

I. Tan Kong Joo pelajar sekolah.

II. Buah itu masam.

III. Ibunya sakit.

IV. Motosikalnya telah rosak.

V. Balai raya ini untuk orang ramai.

VI. Membaca buku ialah hobinya.

VII. Bersenam dapat menyihatkan badan.

VIII. Menyanyi ialah kerjayanya.

IX. Mencuri perbuatan yang salah.

X. Minum air boleh menghilangkan dahaga.

XI. Cergas bermakna badan sihat.

XII. Hijau warna kesukaannya.

XIII. Harum bau bunga melur itu.

XIV. Tamak ialah amalan yang keji.

XV. Encik Zulkifli pegawai polis.

XVI. Kakaknya doktor mata.

XVII. Bangunan itu kediamannya.

XVIII. Bilik itu stor barang.

LATIHAN TATABAHASA 2

MENUKAR AYAT BERSUSUNAN BIASA KEPADA AYAT

BERSUSUNAN SONGSANG

Praktis 1 - Tukarkan ayat susunan biasa ini kepada ayat susunan songsang

1. Beliau memiliki beberapa buah banglo di bandar itu sejak lima tahun lalu.

2. Beg yang penuh dengan buku itu ada di atas meja.

3. Angkatan kapal perang dari negara Amerika itu telah memasuki Laut Mediteranian.

4. Peserta yang dapat menjawab soalan tersebut akan dihadahi sebuah televisyen oleh syarikat itu.

5. Pak Ismail menabur segenggam jagung di atas padang itu untuk menarik perhatian sekawan merpati.

6. Hairi yang baru pulang dari Australia itu telah membeli satu set pinggan mangkuk.

7. Pelajar yang cacat penglihatan itu gigih sungguh.

8. Ibunya masih belum pulang dari pejabat .

9. Murid-murid kelas tadika itu berkejar-kejaran di padang sekolah.

10. Dia menulis rencana itu di bilik bacaan.
